



**MAJLIS PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PULAU PINANG)**

Peraturan Pemarkahan

**MODUL LATIHAN BERFOKUS SPM 2013
BAHASA MELAYU
Kertas 2**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan markah ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM**.
Kegunaan khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

SULIT

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- a) Isi - **20 markah**
 b) Bahasa - **10 markah**

a) **Isi** [20 markah]

Nota :

- i. Panduan mengira perkataan :
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :
 - nama khas
 - perkataan berulang
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- ii. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Soalan 1 : Rumusan**Pendahuluan [2 markah]**

	Markah
Petikan membincangkan akibat/implikasi/natijah penggunaan Internet dalam kalangan remaja/golongan muda.	2
Petikan membincangkan akibat/implikasi penggunaan Internet.	1

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

S1 remaja terpengaruh oleh budaya hedonisme dan akhirnya melalaikan kepentingan pelajaran	2
S2 remaja selalu ponteng sekolah dan kelas tuisyen	2
S3 pelbagai jenayah siber dilakukan dalam kalangan remaja menunjukkan peningkatan	2
S4 boleh menjurus kepada provokasi dan fitnah disalahgunakan oleh mereka dengan melayari laman sesawang yang memaparkan	2
S5 kandungan yang bertentangan dengan amalan budaya dan agama	2
S6 Generasi muda dikatakan akan menghadapi krisis kecelaruan identiti dan jati diri	2
S7 meruntun remaja dengan gaya hidup asing serta menghakis kesantunan dalam pertuturan lisan dan perlakuan	2
S8 mendorong golongan muda ke arah pemikiran liberal	2
S9 mereka sukar merealisasikan hala tuju negara secara menyeluruh	2

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

T1 Ibu bapa mengawasi penggunaan Internet di rumah/ menetapkan waktu penggunaan Internet di rumah	2
T2 Ibu bapa perlu memberikan didikan agama yang mantap kepada anak-anak	2
T3 Ibu bapa menetapkan lokasi penggunaan Internet di rumah/hanya pada waktu siang/meletakkan komputer di ruang tamu yg terbuka	2
T4 Ibu bapa mengajar etika menggunakan Internet	2
T5 Ibu bapa memasukkan perisian penapisan kandungan Internet/memasukkan kata kunci (untuk menyekat anak-anak daripada melayari laman-laman tidak sesuai)	2

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Penutup

Kesimpulannya, semua pihak harus berusaha untuk mengatasi kesan buruk penggunaan Internet dalam kalangan remaja agar remaja bersahsiah tinggi dapat dilahirkan.

2

b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan.

Nota :

- i. Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- iv. Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10** markah]

Soalan 2

Markah penuh 35 markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Soalan 2(a) : Petikan Umum

- (i) Maksud
Mengancam/menjejaskan/mencemarkan/merosakkan peradaban/cara hidup/amalan hidup

[maksimum : 2 markah]

- (ii) Faktor-faktor
- tarikan Internet lebih menyeronokkan berbanding dengan gejat-gajet yang lain.
 - sesetengah ibu bapa yang buta Internet dan tidak mengetahui kebaikan dan keburukannya.
 - di kebanyakan kawasan berhampiran dengan kawasan perumahan terdapat kafe siber yang menyediakan kemudahan Internet dengan bayaran yang murah

[maksimum : 3 markah]

- (iii) Langkah-langkah kerajaan menangani jenayah siber
- Kerajaan menubuhkan agensi untuk mengawal laman sesawang daripada dilayari oleh golongan remaja
 - Kerajaan boleh menghadkan masa operasi kafe siber
 - Mengenakan tindakan undang-undang/menguatkuasakan undang-undang.
 - pemantauan pihak berkuasa di alam siber.
 - Remaja perlu disedarkan tentang kesan buruk penyalahgunaan Internet di sekolah/oleh Kementerian Pendidikan.
 - kempen kesedaran diadakan untuk menerapkan pengetahuan tentang jenayah siber.
 - Kerajaan bekerjasama dengan negara lain untuk membanteras jenayah siber.
 - Kerajaan melatih kakitangan profesional untuk tingkatkan kemahiran dalam bidang forensik komputer.

[maksimum : 4 markah]

(Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

(i) Gambarkan situasi sungai Ceper selepas ibu meninggal dunia.

[2 markah]

- sungai Ceper langsung tidak berbusa dan berombak lagi.
- tebing sungai tidak ditendang lagi
- lubuk-lubuk sungai tidak dikorek lagi
- arus sungai begitu lambat bergerak ke kuala
- dipenuhi dengan serbaneka serdak (sampah sarap)

(ii) Banyak sungai mengalami pencemaran sebagai akibat tindakan manusia yang tidak bertanggungjawab. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah pencemaran sungai di negara ini?

[3 markah]

- penguatkuasaan undang-undang dengan mengenakan tindakan tegas terhadap mereka yang mencemarkan sungai
- pemasangan perangkap sampah di kawasan sungai / menggunakan bola lumpur untuk mengurangkan pencemaran..
- kempen kesedaran tentang kesan buruk pencemaran sungai
- menjadikan sungai sebagai sungai angkat kepada penduduk

(iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** pengajaran yang lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

Pengajaran dalam petikan

- Kita hendaklah memelihara dan memulihara sungai – Sungai Ceper tercemar dengan teruk akibat perbuatan manusia yang tidak bertanggungjawab.
- Kita hendaklah menyayangi bapa kita – ‘Aku’ menjaga bapa ketika bapa sakit.

Pengajaran lain yang tidak terdapat dalam petikan

- Kita hendaklah bertanggungjawab menyara kehidupan keluarga – Sebagai anak “aku” bertanggungjawab menjaga dan menyara kehidupan ibu dan bapa apabila mereka sudah tidak berdaya.
- Kita hendaklah menjaga kerukunan rumah tangga agar tidak berlaku perselisihan faham antara suami dengan isteri – bapa seharusnya mengetahui tanggungjawabnya sebagai suami dengan menjadi ketua keluarga yang bertanggungjawab
- Kita mestilah berbakti kepada kedua-dua ibu bapa kita – “Aku” mencuci najis ibu ketika ibu lumpuh dan tidak mampu bergerak.
- Kita janganlah membuang masa dengan melakukan aktiviti yang tidak berfaedah – Bapa asyik berdenak ketitir (memikat burung ketitir) walaupun ketika banjir besar melanda.

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**i) Maksud rangkai kata *mata yang manis menjadi balut* ialah:**

- mata yang ***cantik*** - 1 markah
- menjadi ***bengkak*** - 1 markah

[Maksimum: 2 markah]**ii) Kata-kata manis Raja Indera Bumaya memujuk Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi:**

- Tuan puteri ibarat nyawanya
- mata yang manis menjadi balut.
- suara yang merdu menjadi parau.
- berharap tuan puteri tidak merosakkan hatinya.
- Raja Indera Bumaya berkata bahawa tuan puteri begitu mengasihinya
- Raja Indera Bumaya sanggup mati demi kasih tuan puteri kepadanya.

[Maksimum: 3 markah]**iii) Raja Indera Bumaya tidak wajar berperang dengan Raja Bahrum Dewa kerana :**

- untuk mengelakkan pertumpahan darah / kematian.
- mereka patut berunding/ berdamai.
- negara tersebut akan menjadi tidak aman/kucar-kacir.
- Peperangan yang berlaku tidak adil kerana Raja Indera Bumaya menggunakan kesaktiannya.

(Jawapan yang sesuai diterima)**[Maksimum: 3 markah]**

Soalan 2 (d): Gurindam**(i) Maksud rangkap kedua gurindam ialah:**

- saranan agar berguru dengan seseorang yang benar-benar berilmu – 1 markah
- berupaya mengajar kita mengenali musuh – 1 markah

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Tiga sebab kita disarankan supaya memilih kawan yang baik:**

- membantu ketika susah dan senang.
- menunjukkan teladan yang baik
- mengelakkan diri terlibat dengan kegiatan yang negatif/ tidak bermoral.
- kawan yang baik sentiasa mengajak ke arah kebaikan
- bersedia mendengar masalah
- membantu dalam pelajaran.

[Maksimum: 3 markah]**(iii) Dua nilai murni:**

- Nilai **kebijaksanaan** – kebijaksanaan seseorang memilih sahabat, guru dan isteri akan memberi manfaat kepadanya.
- Nilai **ketaatan/kesetiaan** – seorang isteri perlu taat dan setia kepada suaminya.
- Nilai **keikhlasan** – seseorang sahabat perlu ikhlas dalam menjalinkan perhubungan.
- Nilai **setiakawan** – seseorang itu perlu memilih kawan yang setia
(Nilai lain yang sesuai diterima)

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh 35 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina sebagai satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Ayat tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

Soalan 3(a)**i) kehampaan**

- perasaan kecewa (kerana tidak mendapat, menemui, mencapai sesuatu yang dihajati atau dicita-citakan)
- kekecewaan
- ketiadaan pengetahuan, kebodohan, kedunguan

ii) kesukaran

- perihal sukar, kesulitan, kesusahan
- menderita susah (kemiskinan)

iii) kelalaian

- perihal lalai, kelengahan, kealpaan
- dalam keadaan lalai

iv) kebejatan

- kerosakan, keburukan

v) kemaslahatan

- kegunaan, faedah

vi) kepincangan

- perihal pincang
- keadaan yang tidak seimbang atau tidak sebagai yang sepatutnya, kekurangan, cacat cela.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3(b)

- (i) ayat suruhan
- (ii) ayat larangan
- (iii) ayat silaan
- (iv) ayat silaan
- (v) ayat permintaan
- (vi) ayat larangan

[Maksimum: 6 markah]**Soalan 3(c)**

- (i) leukimia - leukemia
memberi - memberikan
- (ii) lagenda - legenda
mengingati - memperingati
- (iii) stokin - stoking
jadi - menjadi

[Maksimum: 6 markah]**Soalan 3(d)**

- (i) melorek - mencanting / melukis
dari - daripada
- (ii) digigit - dikerit / dikerikit
ditinggalkan oleh kami - kami tinggalkan
- (iii) merempuh - melanggar
temu janji - janji temu

[Maksimum: 6 markah]**Soalan 3(e)**

- (i) bagai kaca terhempas ke batu
- (ii) hanya jauhari yang mengenal manikam
- (iii) mendengar guruh di langit, air tempayan dicurahkan / yang dikejar tak dapat,
yang dikendong berciciran / burung terbang dipipiskan lada

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**Soalan 4(a)**

- i. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Beri 2 markah untuk setiap isi yang lengkap/jelas.
- iv. Beri 1 markah untuk satu isi yang kurang lengkap/kurang jelas.
- v. Markah isi maksimum 4 markah.
- vi. Markah bahasa maksimum 3 markah.
- vii. Markah bahasa diberi seperti berikut :

Baik	=	3 markah
Sederhana	=	2 markah
Lemah	=	1 markah
- viii. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- ix. Calon tidak menjawab 0 markah

Soalan 4(b)

- i. Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Berikan tiga markah untuk huraian yang jelas / lengkap
- iv. Markah isi maksimum 6 markah.
- v. Markah bahasa maksimum 2 markah.
- vi. Markah bahasa diberi seperti berikut ;

Baik	=	2 markah
Lemah	=	1 markah
- vii. Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah, beri 1 markah untuk bahasa.
- viii. Calon tidak menjawab 0 markah.

PERATURAN PEMARKAHAN NOVEL

- (a) Banyak peristiwa yang dipaparkan dalam sesebuah novel menggambarkan persoalan yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** contoh yang menggambarkan persoalan pengorbanan dalam menjalani kehidupan.

[7 markah]

Azfa Hanani

1. Pengorbanan Azfa Hanani semasa menyamar sebagai Tengku Murni.
 - Azfa Hanani sanggup berkorban dengan menerima tawaran Abang Mazran dan Kak Finaz untuk menyamar sebagai Tengku Murni bagi membolehkan sepupunya mendapatkan rawatan penyakit lumpuh yang dihidapinya.
2. Pengorbanan Azfa Hanani terhadap Datin Maziah

- Azfa Hanani sanggup berkorban untuk menyamar sebagai Tengku Murni demi memulihkan tekanan perasaan Datin Maziah sebagai akibat kematian anak perempuan tunggalnya Tengku Murni dalam kemalangan jalan raya.
3. Pengorbanan pak long menjaga dan membesarkan Azfa Hanani.
 - Pak long telah berkorban untuk menjaga Azfa Hanani yang telah kehilangan ibu dan bapanya dalam kemalangan jalan raya 16 tahun yang lalu.
 4. Pengorbanan Abang Mazran dan Kak Finaz untuk memulihkan penyakit ibunya.
 - Abang Mazran dan Kak Finaz berkorban untuk memulihkan ibu mereka dengan mencari orang yang seiras dengan adik mereka yang telah meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya.
 5. Pengorbanan Azfa Hanani untuk menjadi pengerusi forum remaja.
 - Azfa Hanani telah berkorban untuk menggantikan Tengku Ellina sebagai pengerusi forum remaja kerana Tengku Ellina terlibat dengan program Hari Sumbangsih.

Kembara Amira

1. Pengorbanan Prof Zaidah menjalankan kajian di dalam hutan.
 - Prof. Zaidah sanggup berkorban menghabiskan masa berbulan-bulan di Desa Karpus untuk menjalankan kajian arkeologi untuk membongkar sejarah tamadun manusia di negara ini.
2. Pengorbanan Amira menghabiskan masa cuti di dalam hutan
 - Amira sanggup berkorban menghabiskan masa cutinya untuk bersama-sama dengan ibunya di Desa Karpus. Amira sanggup menaiki kereta api ke tempat kerja ibunya di Gunung Mat Raya bagi membantu ibunya menjalankan kajian arkeologi di Desa Karpus.
3. Pengorbanan Amira dan rakan-rakannya ketika mencari Malique yang hilang.
 - Amira, Jacinta dan Tau berkorban mencari dan mengesan Malique yang telah dilarikan oleh makhluk berbulu di Bukit Mat Raya.
4. Pengorbanan Tau menerima Ipah sebagai isterinya
 - Tau berkorban untuk berkahwin dengan Ipah sehingga dia disisihkan oleh kaumnya sendiri.

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam novel-novel tersebut.

[8 markah]

AZFA HANANI

1. Masyarakat yang berani menghadapi cabaran hidup.
 - Azfa Hanani berani menghadapi cabaran ketika menyamar sebagai Tengku Murni.
2. Masyarakat yang gigih berusaha.
 - Azfa Hanani gigih berusaha menuntut ilmu. Dia mengambil inisiatif untuk mempelajari bahasa Inggeris dan bahasa Jepun di Institut Lingua Franca.
3. Masyarakat yang rajin berusaha
 - Ekran rajin mencari ilmu dan menambahkan wang saku. Pada hujung minggu dan pada waktu cuti sekolah dia menjual burger untuk mencari pengalaman menguruskan kewangan dan menambahkan wang saku.
4. Masyarakat yang berpegang teguh pada agama
 - Azfa Hanani kerap membaca surah Yasin dan surah Fatihah untuk disedekahkan kepada arwah ibu bapanya yang telah meninggal dunia. Dia juga tidak meninggalkan solat.
5. Masyarakat yang menjaga maruah diri.
 - Azfa Hanani menolak pelawaan Iskandar untuk menghantarnya pulang dengan membonceng motosikal pemuda itu.
6. Masyarakat yang bekerjasama
 - Murid-murid tingkatan 5 melalui Persatuan Tingkatan 5 bekerjasama menjayakan program Hari Sumbangsih sehingga berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM 16,655.

KEMBARA AMIRA

1. Masyarakat yang cekal menghadapi cabaran
 - Prof Zaidah cekal menghadapi cabaran mencari gali artifak arkeologi. Beliau tetap meneruskan usaha-usaha cari gali walaupun menghadapi pelbagai rintangan seperti terlibat dalam kemalangan sehingga pergelangan tangannya tercedera.
2. Masyarakat yang bekerjasama.
 - Tau bekerjasama mencari dan mengesan Jacinta yang hilang ketika mencari Amira yang dihanyutkan oleh arus sungai.
3. Masyarakat yang berani menghadapi pelbagai cabaran
 - Amira berani menghadapi cabaran ketika berusaha mengesan dan mencari Malique yang telah dilarikan oleh Tau di Gua Gunung Gajah.
4. Masyarakat yang penyayang.
 - Jidin membesarkan Ipah (Samantha) dengan penuh kasih sayang walaupun kaumnya tidak dapat menerima Ipah yang bermata biru dan berambut perang.
5. Masyarakat yang berpendidikan tinggi
 - Prof Zaidah merupakan pensyarah yang sanggup menjalankan kajian arkeologi di dalam hutan iaitu di Bukit Mat Raya.
6. Masyarakat orang asli.
 - Itai, Ludin dan Tau merupakan masyarakat orang asli Semai yang hidup di pedalaman dan sangat mahir dengan cara hidup di hutan.

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT